

22/03/1999

Orang ramai boleh sertai latihan atas kapal layar

HASRAT untuk melahirkan program pelayaran ini diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pada 1988, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama kerajaan Britain membiayai pembinaan KLD Tunas Samudera bernilai RM18 juta yang dilakukan di United Kingdom.

Kapal layar ini diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Azlan Shah bagi pihak Kerajaan Malaysia oleh Ratu Elizabeth II di Pangkalan TLDM Lumut pada 16 Oktober 1989 mengikut istiadat tentera laut.

KLD Tunas Samudera adalah kapal layar jenis Brigantine yang direka untuk semua sudut pelayaran. Badan kapal ini diperbuat daripada besi dan bilga lengkung.

Panjang keseluruhan KLD Tunas Samudera ialah 44 meter manakala panjang rangkanya 35 meter. Badan kapal ini ditenggelami air sehingga empat meter.

Lebar kapal ini ialah 7.8 meter dan tinggi tiang utamanya ialah 32.6 meter manakala ketinggian tiang hadapan ialah 30 meter. Lebar keseluruhan layarnya ialah 510 meter persegi.

Program pelayaran KLD Tunas Samudera diadakan bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman pengembaraan di laut kepada belia negara.

Program ini dikenal pasti dapat membentuk keperibadian dan disiplin diri, kecerdasan mental dan fizikal, daya kepemimpinan, kerjasama berpasukan, semangat setia kawan, dan pendedahan kepada ilmu pelayaran seperti navigasi, kaji cuaca dan ilmu kelautan.

Kumpulan orang awam yang mengikuti program ini perlu menjalani pelbagai aktiviti sepanjang pelayaran KLD Tunas Samudera ke destinasi tertentu selama 10 hari.

Sehubungan itu, agensi kerajaan atau syarikat swasta yang berminat untuk mengikuti program ini boleh menghubungi Jawatankuasa Penyelaras, Lembaga Pengurusan Tabung Amanah KLD Tunas Samudera, Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur - telefon 03-2353180/faks 03-2945664.

(END)